

Headline	National strategy needed to prevent suicides: Singapore mental health advocacy group		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	11 Sep 2024	Color	Full Color
Section	Local News	Circulation	50,667
Page No	1,3	Readership	152,000
Language	Malay	ArticleSize	647 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	S\$ 2,900
Frequency	Daily	PR Value	S\$ 8,700



**Kumpulan kerja
kesihatan mental
saran strategi nasional
cegah bunuh diri
– Muka 3**

Headline	National strategy needed to prevent suicides: Singapore mental health advocacy group		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	11 Sep 2024	Color	Full Color
Section	Local News	Circulation	50,667
Page No	1,3	Readership	152,000
Language	Malay	ArticleSize	647 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	S\$ 2,900
Frequency	Daily	PR Value	S\$ 8,700

BERITA

Kumpulan kerja kesihatan mental saran strategi nasional cegah bunuh diri

Kertas Putih akan diserahkan kepada pemerintah akhir Sep

Usaha melibatkan seluruh masyarakat diperlukan bagi mencegah lebih banyak kes bunuh diri yang menjejaskan golongan muda.

Langkah itu adalah antara cadangan sebuah kumpulan yang menerbitkan laporan 160 muka surat menggariskan strategi pencegahan bunuh diri nasional untuk Singapura.

Kertas Putih itu juga menyarankan supaya mengadakan pejabat kebangsaan yang menyelaraskan pelbagai usaha anti-bunuh diri yang berfungsi secara bebas daripada perkhidmatan kesihatan mental, sistem pengawasan yang menghasilkan lebih banyak data tetap, dan kempen kesedaran awam mengenai pencegahan bunuh diri.

Kertas Putih itu dilancarkan pada 10 September oleh kumpulan berasaskan komuniti SG Mental Health Matters, yang diketuai mantan Anggota Parlimen Dilantik (NMP), Cik Anthea Ong. Ia akan dibentangkan kepada pemerintah pada akhir September.

Diberi nama Projek Hayat, laporan itu termasuk penemuan penyelidikan sendiri dan 23 cadangan untuk menangani jurang dalam pencegahan bunuh diri di sini.

Menerajui senarai cadangannya ialah penubuhan pejabat kebangsaan yang diberi kuasa dan dibiayai untuk menyelaraskan data, pemantauan dan campur tangan merentas pelbagai sektor dalam pemerintah dan komuniti.

Ia merupakan kajian pertama mengenai pencegahan bunuh diri di Singapura yang dilakukan selepas pelancaran strategi kesihatan mental dan kesejahteraan negara Singapura pada awal 2024.

Cik Ong berkata pemerintah dan kumpulan masyarakat telah mengorak langkah dalam pencegahan bunuh diri, tetapi negara ini kurang rangka kerja bagi tindakan yang diselaraskan kepada seluruh ekosistem yang memberi tumpuan kepada bunuh diri secara khusus dan bukan hanya diletakkan dalam rangka kerja kesihatan mental.

"Kami...ada menyebut tentang pencegahan bunuh diri dalam Strategi Kesihatan Mental dan Kesejahteraan Kebangsaan, tetapi sekali lagi, itu tidak lengkap kerana tidak semua kes bunuh diri (boleh) dikaitkan dengan penyakit mental, dan bukan semua yang mempunyai masalah kesihatan mental ada kecenderungan membunuh diri," kata beliau.

"Tanpa strategi dan rangka kerja na-

TALIAN BANTUAN

- Institut Kesihatan Mental: 6389-2222 (24 jam)
- Samaritans of Singapore: 1-767 (24 jam) / 9151-1767 (teks pesanan 24 jam menerusi WhatsApp)
- Persatuan Kesihatan Mental Singapura: 1800-283-7019
- Sumber dalam talian: mindline.sg, eC2.sg, www.tinklefriend.sg

sional, kita juga tidak akan dapat mengetahui usaha mana yang menyumbang kepada peningkatan atau pengurangan kadar bunuh diri," tambahnya.

Projek Hayat merupakan satu usaha yang diterajui komuniti, dipandu oleh kumpulan kerja terdiri daripada penggabul dasar, pakar tentang bunuh diri, penyelidik, pekerja komuniti dan profesional pembantu, pemimpin agama, pemimpin korporat, wakil media dan individu yang hidupnya terjejas akibat bunuh diri.

Dr Jared Ng, pakar psikiatri dan pengarah perubatan di Connections MindHealth, salah seorang daripada tiga ketua bersama projek itu, memberitahu akhbar *The Straits Times* (ST) bahawa dengan adanya sistem pengawasan, ia akan menyediakan bukan sahaja data bunuh diri yang lebih kerap, bahkan maklumat tentang bagaimana orang mengambil nyawa mereka sendiri serta bilangan yang telah cuba berbuat demikian.

Pada masa ini, data bunuh diri dikeluarkan setiap tahun oleh badan amal pencegahan bunuh diri Samaritans of Singapore.

Sebanyak 322 kes bunuh diri dilaporkan di sini pada 2023 – turun 32.4 peratus daripada 2022 dengan 476 kes bunuh diri – jumlah tertinggi sejak SOS mula merekodkan data pada 2000.

Walaupun kematian akibat bunuh diri dalam kalangan mereka yang berumur 10-29 jatuh pada 2023, bunuh diri adalah punca utama kematian dalam kalangan kumpulan ini tahun kelima berturut-turut – membentuk 29.2 peratus daripada semua kematian dalam kumpulan umur ini.

Dr Ng, yang sebelum ini merupakan mantan ketua jabatan kecemasan dan penanganan krisis di Institut Kesihatan

"Tanpa strategi dan rangka kerja nasional, kita juga tidak akan dapat mengetahui usaha mana yang menyumbang kepada peningkatan atau pengurangan kadar bunuh diri."

– Cik Anthea Ong, mantan Anggota Parlimen Dilantik (NMP) yang mengetuai kumpulan berasaskan komuniti SG Mental Health Matters.

Mental, menyatakan bahawa penyelidikan dari Amerika Syarikat pada 2018 menunjukkan bahawa setiap kes bunuh diri menjejaskan sehingga 135 orang.

Menurutnya, jika seseorang kelihatan dalam kesusahan, hanya dengan adanya pihak yang sedia mendengar kes luahan hati mereka boleh membuat perubahan.

Menggalakkan mereka menghugungi orang yang dipercayai atau mendapatkan bantuan profesional, juga boleh membantu.

Lebih 500 responden, mewakili semua peringkat umur, jantina dan etnik Singapura, menyumbang lebih daripada 4,000 perspektif dan cadangan dalam fasa pertama penundingan awam Projek Hayat mengenai OPPI, satu platform penglibatan rakyat.

Selain pemerintah, Kertas Putih itu juga akan dibentangkan kepada pihak berkepentingan lain termasuk lembaga sekolah dan pengetua, kumpulan majikan, institusi penjagaan kesihatan dan agama, dan pemimpin masyarakat.

Jika dan apabila ia diterima pakai, Singapura boleh menjadi negara ASEAN kedua yang mempunyai strategi pencegahan bunuh diri yang komprehensif, di belakang Indonesia, yang menerbitkannya pada Ogos 2023.

Laporan penuh Kertas Putih Projek Hayat boleh didapati di www.sgmentalhealthmatters.com.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Bilateral Relations Topic (Bilateral Relations-Singapore and	1	0	S\$ 0
Boehringer Ingelheim Industry Related (Boehringer Ingelheim -	9	0	S\$ 0
Chinese - Japan Embassy (EOJ - Economic and Political Frameworks	1	0	S\$ 0
Court Cases (Court Cases - Civil Matters)	1	0	S\$ 0
Distilleri - Govt (Govt - Platform 1)	1	0	S\$ 0
Distilleri - Govt (Govt - Platform 5)	1	0	S\$ 0
Embassy of Japan (CN) (Embassy of Japan (CN) - Diplomacy)	1	0	S\$ 0
EOJ - Japan Embassy (EOJ - Economic and Political Frameworks	1	0	S\$ 0
General Health News (General Health News 1)	4	0	S\$ 0
General Health News (General Health News 3)	17	0	S\$ 0
Institute of Mental Health (IMH) (Institute of Mental Health (IMH))	1	0	S\$ 0
MCCY - Charity & Co-operatives (MCCY - All Charities 3)	2	0	S\$ 0
MCCY - Community (MCCY - Community Engagement 21)	8	0	S\$ 0
MCCY - Integration (MCCY - Material Well-Being 78)	5	0	S\$ 0
MCCY - Integration (MCCY - Social Impact 69)	2	0	S\$ 0
MCI CRD - Infocomm (Smart Nation - Engagement Programmes 1)	5	0	S\$ 0
MCI MAOD - China Market (MCI MAOD - China Market)	7	0	S\$ 0
Ministry of Health - Health Care (MOH - Mental Health)	1490	0	S\$ 0
MSF - Special Topic (MSF-CIR - Early Childhood Development 3)	1	0	S\$ 0
Mt Alvernia - Global Healthcare Trends (General Well-being)	2	0	S\$ 0
Mt Alvernia - Global Healthcare Trends (Healthcare Trends)	9	0	S\$ 0
Mt Alvernia - Global Healthcare Trends (Medical Trends)	2	0	S\$ 0
NYC - Education (Education - Overseas Exposure 3)	1	0	S\$ 0
NYC - Governance and Politics (Governance and Politics - Politics 2)	4	0	S\$ 0
NYC - Governance and Politics (Governance and Politics - Politics)	2	0	S\$ 0
NYC - Race & Religion (Race & Religion - General 4)	2	0	S\$ 0
NYC - Race & Religion (Race & Religion - Religious/Racial	2	0	S\$ 0
NYC - Vulnerable Groups (Vulnerable Groups - Elderly 4)	2	0	S\$ 0
People Associations-Ethnicity, Race and Religion & Fault Lines	5	0	S\$ 0
Pharmaceuticals Industry News (Pharmaceuticals - Healthcare &	9	0	S\$ 0
Protection, Gender, and Inclusion - AHA Centre (Protection, Gender,	1	0	S\$ 0
Singapore Health System News (Singapore Health System News 1)	4	0	S\$ 0
Singapore Health System News (Singapore Health System News 5)	5	0	S\$ 0
Singapore Health System News (Singapore Health System News 6)	15	0	S\$ 0
SkillsFuture - Industry (SkillsFuture Industry - Jobs)	5	0	S\$ 0
Supreme Court/Family Justice Courts (Supreme Court/Family Justice	1	0	S\$ 0
Supreme Court/Family Justice Courts (Supreme Court/Family Justice	28	0	S\$ 0
Tsao Healthcare Industry News (Caregiving)	2	0	S\$ 0

GIST(ENGLISH)

N/A